

08 JUN 2000

MAHATHIR-MSK/I

MAHATHIR MINTA MATSUSHITA MAINKAN PERANAN LEBIH BESAR DALAM MSC

Oleh: Ghazemy Mahmud

TOKYO, 8 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menjemput Matsushita Electric Company dari Jepun untuk memainkan peranan yang lebih besar dalam membantu memajukan Koridor Raya Multimedia (MSC) Malaysia.

Perdana Menteri menyatakan harapan agar dapat Matsushita melibatkan diri dalam MSC secara besar-besaran untuk merangsang pembangunan MSC.

Sejak 1965, katanya, hubungan antara syarikat Jepun itu dan Malaysia telah berkembang bukan hanya dari segi pelaburan dan eksport tetapi juga dari segi industri kecil dan sederhana.

Malaysia mahu meningkatkan lagi pengetahuan teknologinya dan Matsushita adalah maju dalam penyelidikan dan pembangunan, katanya ketika melawat Pusat Multimedia Matsushita, di sini.

"Kami harap akan lebih banyak belajar daripada anda dalam teknologi dan pengurusan perniagaan. Kami juga menjemput anda melibatkan diri dalam MSC," katanya.

Dr Mahathir menambah: "Pelabur dengan status MSC diberikan kelebihan tertentu dan kami harap Matsushita akan melibatkan diri secara besar-besaran."

Beliau juga berkata Malaysia memerlukan kerjasama untuk mengeluarkan lebih ramai pekerja berasaskan pengetahuan.

Sementara itu, naib presiden eksekutif syarikat multinasional Jepun itu, Masayuki Matsushita, berkata dalam ucapannya sebelum itu, jumlah pengeluaran syarikatnya di Malaysia telah mencecah kira-kira RM9 billion dan mengambil bekerja sebanyak 30,000 pekerja.

"Eksport kami dari Malaysia telah berkembang kepada kira-kira RM7 billion," katanya.

Pada tahun-tahun akan datang, tambahnya, Matsushita akan memberikan lebih banyak tumpuan kepada memajukan rangkaian produk elektrik dan elektronik pengguna dan mewujudkan cara kehidupan baru dalam masyarakat rangkaian digital abad ke21.

Semasa lawatan itu, Dr Mahathir melawat HII House syarikat itu, konsep rumah masa depan untuk tahun 2003, dan melihat demonstrasi produk di AV and CC Systems Square. Dr Mahathir tiba di Jepun semalam untuk memulakan lawatan kerja seminggu.

-- BERNAMA

GM JR